



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

IMPAK PELABUHAN KLANG TERHADAP SEJARAH
PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI SELANGOR
DARI 1972 SEHINGGA 2010

BIPIN A/L BABULAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(SEJARAH)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja
Kursus Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **11** (hari bulan) **OGOS** (bulan) **2020**.

Perakuan pelajar :

Saya, **BIPIN A/L BABULAL, P20152002137, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **IMPAK PELABUHAN KLANG TERHADAP SEJARAH PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI SELANGOR DARI 1972 SEHINGGA 2010** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. KHAIRI BIN ARIFFIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **IMPAK PELABUHAN KLANG TERHADAP SEJARAH PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI SELANGOR DARI 1972 SEHINGGA 2010** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **IMPAK PELABUHAN KLANG TERHADAP SEJARAH
PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI SELANGOR DARI 1972
SEHINGGA 2010**

No. Matrik / Matric No.: **P20152002137**

Saya / I : **BIPIN A/L BABULAL**

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Saya turut ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Khairi Bin Ariffin atas sumbangan ilmu, kepakaran, masa dan tenaga serta tidak pernah jemu membimbing saya sepanjang tempoh kajian. Tidak mungkin saya dapat melengkapkan kajian ini tanpa sokongan dan kesabaran yang anda berikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan *National University of Singapore*, Lembaga Pelabuhan Klang, North Port Malaysia Berhad, West Port Malaysia Sdn Bhd, *Selangor Freight Forwarding Association*, *Selangor State Investment Centre (SSIC)* dan Port Klang Free Zone Sdn Bhd (PKFZ) kerana memberi kerjasama kepada saya dalam mengekses dokumen serta data-data penting berkaitan dengan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada isteri tersayang, Rebecca Teoh Cheng Lean di atas sokongan yang diberikan dan memahami kesuntukan waktu yang saya luangkan bersama beliau. Tidak ketinggalan juga jutaan terima kasih kepada seluruh keluarga terutama ibu tersayang Parvati Hansraj serta anak saudara saya Prashant Shashikant yang sudah tiada lagi di dunia ini. Doa kalian mengiringi kejayaan ini





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti impak Pelabuhan Klang terhadap perkembangan sosioekonomi di Selangor bermula tahun 1972 sehingga tahun 2010. Pendekatan kajian adalah berdasarkan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah dipilih untuk menjawab empat soalan kajian dengan perolehan sumber utama seperti dokumen dan manuskrip yang terdapat di Arkib Negara Malaysia iaitu fail-fail dan Laporan tahunan, *Colonial Office Record*, *District Office Report*, fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, dan minit mesyuarat. Selain itu, kajian juga dijalankan di perpustakaan universiti awam di Malaysia, perpustakaan negara, dan perpustakaan *National University of Singapore*. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa Pelabuhan Klang berjaya melonjakkan pendapatan ekonomi negeri Selangor dengan munculnya banyak peluang perniagaan dan pelaburan. Kemajuan ketara Pelabuhan Klang dapat dilihat semenjak pengenalan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) pada tahun 1972 yang memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan penswastan pelabuhan. Sebagai sebuah pelabuhan bertaraf antarabangsa, Pelabuhan Klang menyediakan kemudahan logistik kelas terbaik bagi kelancaran kapal-kapal dagang berlabuh serta berlepas dengan kadar yang segera. Peluang pekerjaan dan penempatan penduduk amat berkembang pesat di sekitar Pelabuhan Klang telah menjadikan Selangor sebagai tarikan ekonomi bagi rakyat Malaysia untuk berkerja demi meningkatkan taraf hidup mereka. Pembukaan *Port Klang Free Zone (PKFZ)* di pulau Indah merancakkan lagi kegiatan ekonomi di Pelabuhan Klang sehingga berjaya meletakkan Malaysia setaraf dengan pelabuhan utama dunia seperti Pelabuhan Jebel Ali, Hong Kong, Rotterdam, dan Singapura. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan Pelabuhan Klang memberi sumbangan yang sangat bermakna dalam perkembangan dan kegiatan ekonomi negeri Selangor. Implikasi kajian membuktikan bahawa Pelabuhan Klang mempunyai peranan yang sangat besar dan amat penting dalam menjadikan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang maju dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan ekonomi di Malaysia.





IMPACT OF PORT KLANG ON THE DEVELOPMENT OF SELANGOR SOCIOECONOMY HISTORY FROM 1972 TO 2010

ABSTRACT

This study aimed to identify the impact of Port Klang on the socioeconomic development in Selangor from 1972 to 2010. The research approach is based on qualitative method with documents and manuscript analysis to answer four research questions by acquiring key sources such as documents and manuscripts found in the National Archives of Malaysia namely annual files and reports, Colonial Office Record, District Office Report, Selangor State Secretary files and minutes of meetings. In addition, research was also conducted at public university libraries in Malaysia, the National library, and the National University of Singapore library. Findings shows that Port Klang has successful boosted Selangor economic growth with the emergence of many businesses and investment opportunities. Significant development of Port Klang has been evident since the introduction of Port Klang Authority (PKA) in 1972 focusing on port infrastructure development and privatisation. As an international port, Port Klang provides the best in class logistics facilities for trading vessels to berth and depart at an accelerated rate. Employment opportunities and rapid population growth around Port Klang have made Selangor an economic attraction for Malaysians to work to improve their standard of living. The opening of Port Klang Free Trade Zone (PKFZ) at Pulau Indah has boosted economic activities in Port Klang and has set Malaysia at par with major international ports such as Port of Jabel Ali, Hong Kong, Rotterdam, and Singapore. In conclusion, this study shows that the existence of Port Klang contributes significantly to the development and economic activity of Selangor. The implication of this study prove that Port Klang plays a very important role in making Selangor a thriving state and contributing to Malaysia's economic development.



KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORONG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI SIMBOL/SINGKATAN ISTILAH	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi

BAB 1 PEGENALAN

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Soalan Kajian	10
1.5	Batasan Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Metadologi Kajian	14
1.8	Tinjauan Literature	19
1.9	Definasi Istilah	35
1.10	Pembahagian Bab	39
1.11	Rumusan	43

BAB 2 LATAR BELAKANG SEJARAH DAN SOSIOEKONOMI NEGERI SELANGOR

2.1	Pengenalan	44
2.2	Sosioekonomi Awal Masyarakat Di Selangor	48
2.3	Kegiatan Pertanian	56
2.4	Perdagangan	62
2.5	Perlombongan	64
2.6	Pendapatan Hasil Cukai	66
2.7	Sistem Pengangkutan Awal di Selangor	67
2.8	Kemunculan Pelabuhan Klang di Selangor	73
2.9	Peranan Port Swettenham	78
2.10	Pengendalian Kargo Dan Kapal-Kapal Perdagangan	82
2.11	Aspek Keselamatan Port Swettenham	88
2.12	Sumbangan Port Swettenham Kepada Kolonial British	90
2.13	Hasil Pendapatan PortSwettenham	94
2.14	Rumusan	96

BAB 3 PERKEMBANGAN PELABUHAN KLANG SELEPAS PEMBENTUKAN LEMBAGA PELABUHAN KLANG PADA TAHUN 1972

3.1	Penjenamaan Pelabuhan Klang	97
3.2	Pelabuhan Selatan	102
3.3	Pelabuhan Utara	103
3.4	Pelabuhan Barat	105
3.5	Kegiatan Di Pelabuhan Klang	109
3.5.1	Terminal Penumpang	109

	3.5.2 Terminal Kenderaan	110
	3.5.3 Tempat Membaiki Kapal	110
	3.5.4 Terminal Persinggahan Kapal Antarabangsa	111
	3.5.5 Kegiatan Import dan Eksport	115
	3.5.6 Dermaga Kontena Dan Gudang	121
3.6	Kemudahan Pelabuhan Klang	129
	3.6.1 Pusat Eksport dan Import	129
	3.6.2 Rangkaian Perdagangan	131
	3.6.3 Kemudahan Awam	132
	3.6.4 Penempatan	136
	3.6.5 Jalanraya	138
	3.6.6 Jalan Keretapi	141
	3.6.7 Prasarana	144
3.7	Perkembangan Kegiatan Ekonomi	146
3.8	Pembukaan Port Klang Free Zone (PKFZ)	148
3.9	Pengurusan Logistik	150
3.10	Rumusan	151

BAB 4 PELABUHAN KLANG SEBAGAI PEMANGKIN TERHADAP SOSIOEKONOMI SELANGOR

4.1	Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (ZPBPK)	153
4.2	Perkembangan <i>Port Klang Free Zone</i> (PKFZ)	155
4.3	Pembelian Tanah	157
4.4	Pemilihan Kontraktor Pemaju	163
4.5	Perlantikan Perunding Juru Ukur	164

4.6	Penglibatan Kerajaan Negeri Selangor	165
4.7	Pembiayaan Projek Pembangunan	166
4.8	Kepentingan Port Klang Free Zone Kepada Negeri Selangor	168
4.9	Isu-Isu Berkaitan Dengan Port Klang Free Zone	175
4.10	Perkembangan Ekonomi Selangor	181
4.11	Penswastaan Pelabuhan Klang	182
4.12	Peranan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)	184
	4.12.1 Pusat Pengagihan Serantau	185
	4.12.2 Pusat Alat Ganti	186
	4.12.3 Pengurusan Import dan Eksport	187
	4.12.4 Transit Perdagangan	188
	4.12.5 Urusan Kendalian Kontena	188
	4.12.6 Penyediaan Logistik	192
	4.12.7 Pindah Kapal (<i>Transshipment</i>)	195
4.13	Sumbangan Kegiatan Ekonomi Pelabuhan Klang	197
	4.13.1 Pertambahan Peluang Pekerjaan	197
	4.13.2 Pembangunan Kemudahan Infrastruktur Dan Prasarana	200
	4.13.3 Pertambahan Kawasan Industri Baharu	202
	4.13.4 Kemasukan Tenaga Kerja	203
4.14	Kesan Pembukaan Pelabuhan Klang dan Kepentinganya	205
4.15	Peranan Pelabuhan Klang Terhadap Ekonomi Negeri Selangor	212
4.16	Rumusan	216

BAB 5 KEPENTINGAN PELABUHAN KLANG TERHADAP SOSOIEKONOMI SELANGOR DAN ISU-ISU

5.1	Tenaga Kerja Mahir dan Tenaga Kerja Profesional	218
5.2	Bekalan Bahan Mentah	222
5.3	Perkembangan Kepelbagaian Industri	223
5.4	Pertumbuhan Ekonomi Negeri Selangor	224
5.5	Perkembangan Infrastruktur	227
5.6	Pembukaan Shah Alam	232
5.7	Pemindahan Kepakaran Dan Teknologi	234
5.8	Pengembangan Operasi Dan Fungsi Pelabuhan Klang	235
5.9	Perkembangan Guna Tanah	239
5.10	Kelestarian Ekonomi	245
5.11	Kesan Terhadap Alam Sekitar	256
5.12	Pencemaran	259
5.13	Pencemaran Air	259
5.14	Pencemaran Udara	261
5.15	Rumusan	263

Bab 6 KESIMPULAN	265
-------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	275
--------------------	-----

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN ISTILAH

ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
DCF	<i>Discounted Cash Flow</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
FCZ	<i>Free Comemercial Zone</i>
FMM	<i>Federation of Malaysian Manufacturers</i>
HIDC	<i>Halal Industry Development Corporation</i>
ILPL	Institut Latihan Pengangkutan Laut
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
JPPH	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
JAFZA	<i>Jebel Ali Free Zone International</i>
KESAS	<i>Konsortium Expressway Shah Alam Selangor</i>
KLIA	<i>Kuala Lumpur International Airport</i>
KPPLB	Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad
KDSB	Kuala Dimensi Sdn. Bhd.
KPPLB	Koperasi Pembagunan Pulau Lumut Berhad
KDSB	Kuala Dimensi Sdn. Bhd.
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KCT	Klang Container Terminal Berhad
KMT	<i>Klang Multi Terminal</i>
KPM	<i>Klang Port Management Sdn. Bhd.</i>
LIU	<i>Light Industrial Unit</i>
LPK	Lembaga Pelabuhan Klang
LTAKL	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur



LKTP	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
TEU	<i>Twenty-Foot Equivalent Units</i>
MACIM	<i>The Chartered Institute of Marketing Malaysia</i>
MICCI	<i>Malaysian International Chamber of Commerce and Industry</i>
MARC	<i>Malaysian Rating Corporation Berhad</i>
PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PROTON	Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.
PKFZ	<i>Port Klang Free Zone</i>
UNCTAD	<i>United Nations Conference on Trade and Development</i>
ZPBPK	Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Pengangkutan Yang Diddaftar Di Port Swettenham Pada Tahun 1912 dan 1913	78
2.2	Jumlah Kapal Saudagar Yang Masuk Ke Port Swettenham Pada Tahun 1913	79
2.3	Muatan Kapal di Port Swettenham 1901-1908	84
2.4	Barang Diterima Dan Dihantar Menggunakan Kereta Api	85
2.5	Jumlah Muatan Dikendalikan Di Port Swettenham Dari 1911-1941	91
2.6	Pernyataan Perbandingan Hasil Yang Dikumpulkan Pada Tahun 1912 dan 1913 di Port Swettenham	94
2.7	Kenyataan Perbandingan Menunjukkan Pendapatan Sebenar Dan Dianggarkan Untuk Tahun 1913	95
3.1	Prestasi Kapal Asing Di Pelabuhan Klang Pada Bulan March 1981	113
3.2	Perkembangan Dan Prestasi Kapal 1980 & 1981	114
3.3	Komoditi Utama Eksport Yang Dikendalikan Pelabuhan Klang Pada Bulan Februari 1981 Dan 1980 ('000 tan)	116
3.4	Komoditi Utama Import Yang Dikendalikan Pelabuhan Klang Pada Bulan Februari 1981 Dan 1980 ('000 tan)	117
3.5	Bilangan Kontena Yang Dikendalikan Pada Bulan Februar Tahun 1980 Dan 1981	125
3.6	Perbandingan Prestasi Kontena Yang Dikendalikan Bulan Februari 1980 Dan Februari 1981	126
3.7	Unit Kontena Yang Dikendalikan Oleh Kapal Konvensional	127
3.8	Unit Kontena Yang Dikendalikan Oleh Kapal Kontena	127



3.9	Jumlah Nilai Kargo Import Dan Eksport Yang Dikendalikan Di Pelabuhan Klang Berbanding Jumlah Keseluruhan Perdagangan Barat Malaysia	128
3.10	Statistik Peningkatan Import Dan Eksport Pada Tahun 1979 – 1980 di Pelabuhan Klang	148
4.1	Kemudahan Yang Disediakan Oleh PKFZ	169
4.2	Kerja Pembinaan Infrastruktur Asas	172
4.3	Taman Halal Yang Beroperasi Dengan Status Halmas di Negeri Selangor	174
4.4	Data Pertukaran Kontena Di Port Klang Bagi Negara ASEAN	191
4.5	Antara Senarai Syarikat Gudang Yang Berdaftar Di Bawah LPK	194
4.6	Jumlah Aktiviti Pindah Kapal Di Pelabuhan Klang	197
5.1	Kadar Perbandaran Mengikut Negeri di Malaysia (%)	219
5.2	KDNK Mengikut Aktiviti Utama Selangor Tahun 2005-2010 (RM Juta)	225
5.3	Peratusan Aktiviti Utama KDNK Selangor, 2005-2010 (%)	226
5.4	Kontena, Kargo Dan Bilangan Kapal Yang Menggunakan Pelabuhan Klang Dari Tahun 2001 -2010	230
5.5	Perkembangan Guna Tanah Di Selangor	241
5.6	Peningkatan Komoditi	244
5.7	Komoditi Yang Merosot	244
5.8	Jumlah Serangan Lanun Di Selat Melaka Dan Selat Singapura, 1994 Sehingga 30 September 2006	252





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kedudukan Pelabuhan Klang	2
3.1	Lokasi Pelabuhan Klang	101
3.2	Kedudukan Pelabuhan Utara Dan Barat Di Pelabuhan Klang	131
3.3	Jalanraya Klang	140





BAB 1

PENGENALAN



Kedudukan Pelabuhan Klang atau dulunya dikenali sebagai Port Swettenham adalah di negeri Selangor. Dari segi longitud dan latitudnya, pelabuhan Klang terletak di kedudukan 2°58'00" U dan 3°05'00" T.¹Kedudukan pelabuhan Klang sangatlah strategic, terletak di tengah-tengah antara pelabuhan negeri Selat selain menjadi salah satu laluan utama melalui Selat Melaka yang menjadi tumpuan persinggahan oleh seantero dunia. Hal ini bermakna, kapal-kapal dagang yang melalui kawasan tersebut akan singgah berlabuh di Klang melalui Sungai Klang terlebih dahulu sebelum singgah berdagang di pelabuhan lain misalnya Negeri-Negeri Selat iaitu Singapura dan Pulau Pinang. Selain itu, Pelabuhan Klang juga dilindung oleh Pulau Klang dan pulau-pulau

¹ Mohd Sarim Hj. Mustajab dan Khazin Mohd Tamrin. (1990). *Klang 1890-1990 Sejarah dan Pentadbiran*, United Selangor Press Sdn.Bhd. Selangor, hlm.121.





lain dan tebing-tebing di kawasan tersebut luas serta cukup bagi kemudahan pelayaran.²



Rajah 1:1. Pelabuhan Klang³



Klang berada di tempat yang strategik seperti yang dinyatakan. Pelabuhan Klang bertempat di kawasan yang strategik yang membolehkannya menjadi salah sebuah kawasan perindustrian yang berjaya di negeri Selangor. Selain itu, Pelabuhan Klang terbahagi kepada tiga kawasan di bahagian utara, selatan dan timur. Namun begitu, Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat menjadi pemangkin kepada kemajuan pelabuhan Klang atau dulunya dipanggil Port Swettenham. Oleh itu, Selangor sebagai sebuah negeri perindustrian, pelbagai barangan dagangan yang akan disalurkan melalui Pelabuhan Klang. Berdasarkan kedudukannya pelbagai barangan import dan eksport akan dihantar dan diselenggara di Pelabuhan Klang.

²Bahan dari Sumber Arkib. *Opening of The Port at North Klang Strait, Port Swettenham on 27th December 1963*

³<https://www.google.com.my/maps/place/Port+Klang,+Selangor/>





Kemunculan Klang sebagai sebuah pelabuhan dan tempat tumpuan para pedagang bermula semenjak kemunculan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad 15 apabila Klang dikenali sebagai sebuah pusat perdagangan yang maju kerana menjadi pengeluar bijih timah yang bermutu tinggi dengan bijih timah ditemui banyak di sepanjang sungai Klang sehingga ke Kuala Lumpur. Ini digambarkan:

*“The Mandhulika, or great territorial Chief, who ruled over various part of Malaya to the north of the settlement, paid annual tribute in the form of calains of tin. Thus Selangor and Bruas paid 6000 calains; Sungei Ujong and Perak 8000, **Klang** and Bernam 4000 each”⁴*

“Nilai perdagangan di Klang tidaklah diketahui dengan terperinci tetapi sebelum kekacauan meletus, perdagangan di wilayah-wilayah kepunyaan negeri Selangor berjumlah kira-kira sejuta ringgit. Anggaran ini boleh dianggap tepat kerana seorang pelawat ke Klang melaporkan: “Selangor mempunyai lombong yang kaya di Klang yang mana dua tahun dahulu dimodali oleh saudagar-saudagar Eropah mendatangkan hasil kira-kira 21,000 pikul bijih timah”⁵

Di muara sungai Klang terletak bandar Klang yang merupakan pusat yang mengawal dan menguruskan urusan perdagangan bijih timah dan hasil-hasil hutan di bawah jagaan penghulu yang merupakan ketua masyarakat Melayu di Klang.⁶

⁴Moorhead F.J. (1957). *A History Of Malaya (Volume One)*, Longmans of Malaya, Kuala Lumpur, hlm 145.

⁵ Khoo Kay Kim. (1984). *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873 Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, hlm 98-99.

⁶ John Duraisamy & G Durairaj. (2013). *Port Klang's Journey Through Time*, Port Klang Authority Malaysia, Selangor, hlm 4.





Menurut Gullick⁷, terdapat bukti yang menunjukkan orang Melayu dari Sumatera menduduki bahagian hulu sungai Klang semenjak suku pertama abad 19 dan lebih awal lagi dan Winsted⁸ juga dalam penulisannya menyatakan bahawa sejarah negeri Selangor adalah dimulakan juga dengan kemasukan masyarakat Melayu keturunan Bugis yang terlibat dalam perkembangan politik di negeri Selangor. Manakala masyarakat Melayu yang mendiami di kawasan hulu sungai Klang ini adalah terdiri daripada orang Melayu berketurunan Mandailing-Rawa dan Minangkabau. Kedua-dua masyarakat Mandailing-Rawa dan Minangkabau ini dianggarkan seramai antara dua hingga tiga ribu orang dan tinggal bertaburan dan berselerak dalam perkampungan kecil di kawasan pedalaman Selangor sehingga lewat tahun 1870-an.⁹ Dari kedudukan pemetaan geografi, Pelabuhan Klang adalah terletak di muara Sungai Klang di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia yang terletak dalam lingkungan garis lintang 2 ° 58' 00" U dan 3 ° 05' 00" T dan garisan bujur 101 ° 20' 00" dan 101 ° 28' 30" T. Jaraknya kira-kira 40 kilometer dari Kuala Lumpur dan 10 kilometer dari bandar Klang.¹⁰

⁷ Gullick. J.M. (1990). *The Growth of Kuala Lumpur And of The Malay Community in Selangor Before 1880*, Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Vol 63, No. 1 (258), hlm 15-38.

⁸ Winstedt. R.O. (1934). *A History of Selangor*, Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Vol 12, No 3 (120), Oktober, hlm 1-34. (Penempatan Bugis di Selangor iaitu di sungai Selangor dan sungai Klang telah wujud menjelang tahun 1681 lagi. Pada awal tahun 1700, Tok Engku Klang iaitu kerabat Sultan Abdul Jalil Riayat Shah Johor telah memberi satu mohor kuasa kepada Yam Tuan Bugis untuk memudahkan mereka bergerak bebas di kawasan Selangor (Kuala Selangor). Hasil kurniaan ini menandakan titik bermulanya pengaruh orang Bugis di Selangor). Lihat juga Moorhead F.J, *A History Of Malaya* (Volume 2), Longmans of Malaya, Kuala Lumpur, 1963. (Pengaruh Bugis, Belanda, dan Melayu telah terlibat dalam kancah politik negeri-negeri Melayu termasuk Johor, Melaka, Selangor, Perak dan Kedah).

⁹ Gullick. J.M. (1990) *The Growth of Kuala Lumpur And of The Malay Community in Selangor Before 1880*, Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Vol 63, No. 1 (258) 1990, hlm.15-38

¹⁰ Cheah Jin Seng. (2011). *Selangor :300 Early Postcards*. Kuala Lumpur: Jugra Publications Sdn. Bhd. hlm. 133





Pelabuhan Klang telah muncul sebagai salah sebuah pelabuhan yang terpenting di Selat Melaka dan ianya juga mempunyai satu kedudukan yang amat strategik di darat yang menghubungkan kawasan tengah Semenanjung Malaysia yang meliputi kawasan perindustrian di Selangor, Negeri Sembilan dan kawasan Selatan Negeri Perak.¹¹ Sebahagian besar daripada hasil pengeluaran perindustrian di kawasan ini disalurkan melalui Pelabuhan Klang. Sejarah awal menunjukkan Pelabuhan Klang merupakan sebuah pelabuhan terpenting sebelum lagi kemasukan kolonial British di Selangor. Pelabuhan Klang pada awalnya dikenali sebagai Pelabuhan Swettenham bersempena nama residen British, Sir Frank Swettenham pada tahun 1893.

Perasmian pembukaan Port Swettenham ini diadakan pada 15 September 1901 dengan keluasan kawasan seluas 806 hektar. Pelabuhan ini menawarkan pelbagai kemudahan untuk aktiviti perdagangan. Pada pertengahan abad 19 telah menyaksikan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan kecil dan bandar yang mempunyai kawasan pertanian yang mempunyai kemajuan dari segi komunikasi dan saliran tanah paya yang sebelum ini tidak boleh digunakan.¹² Pada 1hb Julai 1963, *Port Swettenham Authority* dengan rasminya menjadi sebuah Jabatan Berkanun di bawah Akta parlimen, iaitu undang-undang Lembaga Pelabuhan 1963.¹³

Pelabuhan Klang merupakan sebuah bandar dan gerbang utama untuk perdagangan maritim di Malaysia. Dikenali juga sebagai Port Swettenham¹⁴ pada

¹¹*Ibid.*

¹²Gullick J.M. (2006). '*The Rise and Fall of Klang*', Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 79, No. 1 (290), hlm. 1-26.

¹³Mohd. Sani Bin Mohd Tahar. (1985). *Selangor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn Bhd. hlm.160-161.

¹⁴ FILE 4900/1901. *Opening of Port Swettenham Wharves*. Arkib Negara Malaysia.





zaman penjajahan British dan kemudian ditukar nama sebagai Port Klang pada tahun 1972. Pelabuhan Klang adalah merupakan pelabuhan terbesar di Malaysia. Terletak di daerah Kelang, Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan ke-12 paling sibuk di dunia dari sudut jumlah kendalian kargo yang dijalankan.

*The port of Port Swettenham is a very recent creation compared to Penang or Singapore, having been in use only since 1901, but it has become one of the three major ports of Malaya.*¹⁵

Pelabuhan Klang ini merangkumi Pelabuhan Utara, Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Selatan. Pelabuhan Klang menawarkan kemudahan-kemudahan perkhidmatan logistik yang serba lengkap dan tercanggih untuk mengendalikan sebarang jenis dagangan daripada pengendalian kapal, pemunggahan barang, pergudangan, pengangkutan darat serta aktiviti-aktiviti tambah nilai. Bandaraya Kuala Lumpur atau ibu negara Malaysia adalah kira-kira 40 kilometer, jauhnya dari pelabuhan ini dan ia juga merupakan kawasan perindustrian. Kemudahan perhubungan di antara pelabuhan ini dengan Bandaraya Kuala Lumpur ialah melalui lebuh raya persekutuan. Laluan di antara bandaraya Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Klang ini juga menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Manakala bahagian luar kawasan Pelabuhan Klang dihubungkan dengan rangkaian jalan raya dan keretapi ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia seperti ke Pahang, Terengganu, dan Kelantan, serta sebahagian negeri Perak.¹⁶

¹⁵Mon Jamaludin. (1965). *A History of Port Swettenham*, Department of History, University of Singapore. hlm.1

¹⁶Mohd. Sani Bin Mohd Tahar. (1985). *Selangor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn Bhd. hlm.164-166.





Pelabuhan Klang memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi negeri Selangor dan bertindak sebagai gerbang perdagangan utama Malaysia. Data statistik menunjukkan bahawa sebanyak 170.9 juta metrik ton kargo di kendalikan oleh Pelabuhan Klang pada tahun 2010 berbanding sebanyak 137.7 juta metrik ton pada tahun sebelumnya. Sebanyak 2000 kapal perdagangan telah singgah dan menggunakan perkhidmatan Pelabuhan Klang. Hasil daripada jumlah persinggahan kapal-kapal perdagangan tersebut, Pelabuhan Klang telah mengendalikan sejumlah 8.8 juta *TEU* (bersamaan unit 20 kaki) berbanding 7.7 juta *TEU* tahun sebelumnya.¹⁷

Kepesatan perkembangan dan pembangunan Pelabuhan Klang telah menarik masuk para pelabur asing dan tempatan untuk berurusan dan melabur di Selangor dan seterusnya menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pemangkin kepada perkembangan sosioekonomi negeri Selangor secara amnya, selain menjadikan kawasan lain di sekitar Selangor seperti kawasan Meru, Kapar, Petaling Jaya, Balakong, Bangi, Sri Kembangan dan Shah Alam sebagai daerah perniagaan yang amat maju dan penting kepada Negeri Selangor.

1.2 Permasalahan Kajian

Pertukaran nama *Port Swettenham* kepada Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) pada 1972 mendorong kepada perkembangan dan peningkatan peranan Pelabuhan Klang dalam mengambil alih keseluruhan perkhidmatannya yang kemudiannya akan diswastakan.¹⁸

¹⁷ Laporan Lembaga Pelabuhan Klang, 2010.

¹⁸ Penswastakan telah dilancarkan oleh Dato' Seri Dr Mahathir iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia pada sekitar tahun 1983. Sehingga awal tahun 1998, terdapat beberapa buah pelabuhan sama ada yang terletak di bawah pentadbiran negeri atau persekutuan telah diswastakan dan dikorporatkan. Pelabuhan Klang yang terletak di bawah pertadbiran persekutuan merupakan pelabuhan yang pertama di Malaysia





Pelabuhan Klang juga menjadi tempat terminal kontena yang paling lengkap pertama di Malaysia sehingga diswastakan sebagai Terminal Kontena Kelang Sendirian Berhad dengan pegangan saham sebanyak 49% oleh Lembaga Pelabuhan Klang and baki 51% saham di pegang oleh Konnas Terminal Klang.¹⁹ Pelabuhan Klang juga berperanan sebagai tempat pendaftaran bagi syarikat perkapalan yang penting selain di pelabuhan Kuching, pelabuhan Pulau Penang, dan pelabuhan Labuan. Jaringan Pelabuhan Klang sebagai salah sebuah pelabuhan yang terpenting di dunia menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat persinggahan dan terminal kontena yang seterusnya mendorong kepada perluasan operasi dan percambahan Pelabuhan Klang menjadi tiga pelabuhan, iaitu Pelabuhan Klang Selatan, Pelabuhan Klang Utara dan Pelabuhan Klang Barat.

Pembukaan dan peranan Pelabuhan Klang dengan menubuhkan *Port Klang Free Zone (PKFZ)* atau Zon Bebas Pelabuhan Klang (ZBPK) turut menjadi pendorong kepada perkembangan Pelabuhan Klang. Penubuhan *PKFZ* memudahkan pedagang-pedagang untuk berdagang di Pelabuhan Klang kerana konsep, objektif dan pengurusanannya yang berasaskan perdagangan bebas dan *transshipment*. *PKFZ* dilancarkan pada tahun 2004 dan dibina di kawasan seluas 1,000 ekar di Pulau Indah bersebelahan dengan Pelabuhan Barat (*West Port*). *PKFZ* dibina bagi tujuan untuk menggabungkan aktiviti Zon Perdagangan Bebas dan Zon Perindustrian Bebas dalam satu kawasan.²⁰ Oleh itu, perlaksanaan *PKFZ* ini adalah untuk menaik taraf Pelabuhan

yang telah diswastakan iaitu dalam tahun 1986. Titik permulaan pembangunan pesat pelabuhan di Malaysia berlaku sejak pentadbiran dan operasi Pelabuhan Klang diswastakan. Sejak dibangunkan dalam tahun 1973 dengan infrastruktur pelabuhan yang bersesuaian pada masa itu, Pelabuhan Klang telah muncul sebagai salah sebuah pelabuhan terawal di Asia Tenggara yang menerima perubahan dalam aspek pentadbiran dan operasinya. Lihat Hanizah Idris. 1998. *Kepentingan untuk mempertingkatkan peranan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dalam abad ke-21*. Jati, Bilangan 4, Ogos 1998, hlm 97- 107

¹⁹ John Duraisamy & G Durairaj. (2013). *Port Klang's Journey Through Time*, Port Klang Authority Malaysia, Selangor.

²⁰ *Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Terhadap Projek Pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ)*. Dimuat turun dari <http://www.parlimen.gov.my/images/webuser/pac/LapPAC-PKFZ.pdf>





Klang menjadi sebuah pusat pengedaran serantau, pusat perdagangan dan logistik yang bertaraf antarabangsa.²¹

Industri perkapalan atau lebih dikenali sebagai industri maritime juga berkembang maju di Pelabuhan Klang dan mempunyai daya saing pertumbuhan yang hebat dan keupayaan modal yang besar. Oleh itu, Pelabuhan Klang telah memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan mereka dengan kendalian syarikat yang cekap dan berkesan. Pelabuhan Klang dibangunkan sebagai pusat ekonomi dan pemangkin pendapatan negara dan akhirnya menjadi hab yang penting bagi rantau ini. Dengan beberapa strategi pemeliharaan dan tanggungjawab yang dijalankan sejak tahun 1993, dengan kemudahan yang ada, perkhidmatan di Pelabuhan Klang adalah sinonim dengan pelabuhan-pelabuhan lain di dunia. Pelabuhan Klang mempunyai hubungan perdagangan dengan lebih 120 negara dan berurusan dengan lebih daripada 500 pelabuhan di seluruh dunia. Kedudukan yang strategik menjadikannya Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan pertama untuk kapal di sebelah timur dan pelabuhan terakhir di sebelah barat bagi jalan perdagangan ke Timur hingga Eropah.

Pelabuhan Klang telah berjaya menjadi pusat import dan eksport barangan untuk ekonomi perdagangan domestik dan antarabangsa. Kemajuan sosioekonomi negeri Selangor secara tidak langsung telah banyak disumbang oleh kewujudan Pelabuhan Klang. Perkembangan Pelabuhan Klang menyumbang kepada pembangunan infrastruktur dan perindustrian di daerah Kelang khasnya serta kawasan lain di Selangor amnya. Peluang pekerjaan tersedia untuk masyarakat tempatan terutama di daerah

²¹ Port Klang Authority. (2009). *Shaping Malaysia's Premier Port Seizing the Potential Gateway: A Publication of Port Klang Authority*, hlm. 5.





Klang dan membuka peluang kepada pekerja golongan teknikal dan professional dari seluruh negara. Pencapaian dan perkembangan sosioekonomi negeri Selangor adalah berkait rapat dengan kewujudan Pelabuhan Klang yang mendorong terhadap perkembangan prasarana, logistik, pembukaan sistem perhubungan, dan pembukaan industri yang menjadi pemangkin kepada kemunculan industri-industri lain di Selangor.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti latar belakang dan sejarah sosioekonomi Selangor.
- ii. Mengkaji kesan perkembangan Pelabuhan Klang terhadap perkembangan sosioekonomi Selangor.
- iii. Menganalisis sumbangan dan kepentingan Pelabuhan Klang terhadap sosioekonomi Selangor.
- iv. Menilai isu-isu dan masalah berkaitan dengan peranan dan kewujudan Pelabuhan Klang di Selangor.

1.4 Soalan Kajian

- i. Bagaimanakah latar belakang dan sejarah sosioekonomi di Selangor?
- ii. Bagaimanakah kesan perkembangan Pelabuhan Klang terhadap sosioekonomi Selangor?
- iii. Sejauhmanakah sumbangan dan kepentingan Pelabuhan Klang terhadap sosioekonomi Selangor?
- iv. Apakah isu-isu dan permasalahan yang wujud kesan daripada





pembukaan dan perkembangan Pelabuhan Klang?

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terhad dan berfokus kepada Pelabuhan Klang yang terletak di Selangor. Terdapat tiga pelabuhan yang menjadi subjek utama dalam kajian ini yang meliputi Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Utara, dan Pelabuhan Barat. Kajian daripada ketiga-tiga pelabuhan berkenaan akan dikaitkan dengan perkembangan sosioekonomi di Selangor bagi tempoh penjenamaan semula Port Swettenham ke Pelabuhan Klang pada tahun 1972 sehingga tahun 2010. Tahun 1972 merupakan Pelabuhan Klang bertukar menjadi Lembaga Pelabuhan Klang yang sebelum ini Pelabuhan Klang di bawah tadbir urus syarikat swasta. Perisytiharan Pelabuhan Klang menjadi Lembaga Pelabuhan Klang adalah disempurnakan oleh Sultan Selangor pada 20 Januari 1972. Ia merupakan tahun yang penting dalam sejarah Pelabuhan Klang di Selangor. Lingkungan kajian mencakupi peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum tahun 1972 meliputi sejarah awal pembukaan Pelabuhan Klang terutama pada zaman kolonial British di Selangor. Turut disentuh juga adalah perkara yang berkaitan dengan pembukaan Pelabuhan Klang dari sudut sosiekonomi sebelum tahun 1972 yang membawa kepada perkembangan Pelabuhan Klang. Kajian bagi tempoh sebelum tahun 1972 yang bermula lebih awal iaitu pada pelabuhan yang dikenali sebagai Port Swettenham pada zaman sebelum Tanah Melayu merdeka iaitu pada masa pemerintahan kolonial British.

Tahun 2010 dipilih sebagai tempoh masa terakhir dan tamat kajian kerana pada tahun ini kerajaan Selangor melalui anak syarikatnya, Central Spectrum melancarkan





satu lagi inisiatif perdagangan dengan pengenalan Zone Perindustrian Halal. Pada tahun ini pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Utara diwartakan sebagai Zon Perdagangan Bebas atau dikenali sebagai *Free Commercial Zone (FCZ)*. *Port Klang Free Zone (PKFZ)* adalah dalam lingkungan keluasan tanah 1000 ekar yang terletak berhampiran Pelabuhan Barat yang terletak di Pulau Indah²². Kajian juga memberi fokus tentang kepentingan PKFZ yang merupakan pusat pengilangan, perdagangan dan aktiviti logistik yang bertindak sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi selain bertindak sebagai pusat pengedaran dan perolehan serantau dan antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa ia merupakan zon bebas pertama di Malaysia yang merangkumi aktiviti perindustrian dan perdagangan dalam satu kawasan yang sama. Kajian juga merangkumi aspek yang berkaitan dengan objektif *Port Klang Free Zone (PKFZ)* iaitu membangunkan Konsep Zon Bebas yang menggabungkan aktiviti Zon Perdagangan Bebas dan Zon Perindustrian Bebas dalam satu kawasan yang secara tidak langsung membawa kepada perkembangan ekonomi di Selangor terutamanya.

Manakala, negeri Selangor adalah kawasan yang menjadi kaitan dengan kajian ini kerana pengkaji melihat secara keseluruhan kesan sosioekonomi hasil daripada kemunculan Pelabuhan Klang terhadap perkembangan ekonomi di Selangor. Pengkaji membuat fokus kajian yang mempunyai perkaitan antara sosioekonomi dengan negeri Selangor amnya dan rakyat sekitar pelabuhan secara khusus. Kajian ini juga mengutamakan isu-isu yang berkaitan dengan fokus kajian bagi menjadikan hasil kajian ini lebih nyata dan bermakna dalam penyelidikan sejarah negara.

²² Pulau indah nama asalnya adalah Pulau Lumut.





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting sebagai penghasilan suatu laporan yang menjadi salah satu pensejarahan sosioekonomi yang penting bagi Malaysia. Kajian berkaitan dengan pelabuhan memang telah ada, tetapi kajian oleh pengkaji akan mengketengahkan tentang kepentingan pembukaan Pelabuhan Klang terhadap perkembangan sosioekonomi di Selangor. Kajian ini merupakan suatu analisis terhadap kepentingan pembukaan Pelabuhan Klang dalam membangunkan ekonomi Selangor khasnya dan Malaysia amnya. Analisis dalam kajian ini amat penting dalam menyumbang kepada pensejarahan sosioekonomi kerana ianya menggunakan dokumen dan fail-fail sebagai rujukan utama yang menjadikan tesis ini sebagai sumber rujukan yang amat penting.



agensi berkaitan untuk membuat sesuatu perancangan terhadap pembangunan sosioekonomi negara yang berkaitan dengan pembukaan dan pembangunan kawasan pelabuhan di Malaysia amnya. Kajian ini sangat penting bagi pihak kerajaan mengetahui perkembangan dan peristiwa silam berkaitan dengan hubungkait pelabuhan dalam mempengaruhi kegiatan ekonomi dan masyarakat di negara ini. Di Malaysia terdapat pelabuhan-pelabuhan yang besar dan penting peranannya seperti pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kuching, Pelabuhan Labuan, dan Pelabuhan Kuantan. Namun dengan adanya kajian yang difokuskan kepada Pelabuhan Klang ini ianya dapat membina satu *design* untuk pihak kerajaan atau swasta dalam potensi menjadikan pelabuhan sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara.





Hasil penyelidikan pengkaji berkaitan Pelabuhan Klang boleh mendorong kajian oleh penyelidik seterusnya. Hasil kajian ini juga mendorong kepada pengkaji-pengkaji lain untuk terus menerus membuat kajian terhadap kawasan-kawasan lain yang terdapat di negara ini. Kajian berkaitan dengan pelabuhan merupakan satu kajian yang penting berkaitan dengan sejarah maritim negara. Ini menjadi satu tarikan penting kepada perkembangan dunia penyelidikan yang boleh diteroka oleh mahasiswa, golongan akademik atau ilmuan sejarah negara.

Manuskrip kajian ini nanti boleh menjadikan hasil kajian ini sangat bermakna kepada dunia penyelidikan ilmiah untuk dijadikan rujukan di peringkat universiti dalam dan luar negara. Hasil kajian yang akan menjadi khazanah yang amat penting sebagai simpanan pihak universiti atau institut pengajian tinggi awam negara. Sekiranya manuskrip ini berjaya dibukukan sudah pastinya kajian ini menjadi lebih bermakna kerana ianya dapat disebarluaskan kepada seluruh masyarakat dalam negara kita dan menjadi kebanggaan yang tidak ternilai.

1.7 Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian ini memberi penekanan penyelidikan secara kaedah kualitatif. Dalam Kaedah kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif yang memberi penekanan ke atas kajian secara analisis dokumen dan manuskrip. Creswell²³ membahaskan dengan terperinci tentang kepentingan kaedah penyelidikan kualitatif

²³ Creswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research and Design, Choosing Among Five Traditions*, New York, Thousand Oaks, Sage. hlm 15-16. (Kaedah penyelidikan Kualitatif merupakan satu proses kajian untuk memahami sesuatu isu atau persoalan berkaitan manusia berasaskan metodologi kajian yang jelas)





sebagai suatu cara penyelidikan yang dapat memecahkan persoalan yang perlu bagi mencari jawapan atau penyelesaian yang bersifat penerokaan dan penelitian atas laporan secara teliti dan terperinci.

Kajian ini mengutamakan pendekatan yang memberi penekanan dalam bentuk proses meneliti dan membuat analisis dengan kritis terhadap bahan catatan, rekod-rekod, dan tinggalan masa silam yang merupakan sumber-sumber sejarah berkenaan. Muhammad Yusof Ibrahim juga menyatakan dalam penulisannya, sesuatu penyelidikan atau kajian tentang sejarah memerlukan penelitian dan membuat analisis secara kritis ke atas sumber-sumber sejarah yang dirujuk dan digunakan oleh pengkaji sejarah berkenaan. Dengan menganalisis dan meneliti secara kritis, pengkaji dapat menghasilkan dan mengumpul karya sejarah atau kajiannya secara objektif.²⁴



Terdapat beberapa cara menjalankan penyelidikan kualitatif yang biasa dilakukan oleh para penyelidik. Sumber atau data kualitatif diperoleh dengan cara pemerhatian, temubual, analisis dokumen atau apa-apa cara untuk mendapatkan sumber atau data yang lengkap. Jenis-jenis kajian kualitatif ini dibahagiakan kepada empat cara untuk mendapatkan sumber atau data kajian iaitu melalui kajian tindakan, kajian kes, kajian lapangan, dan analisis dokumen atau manuskrip. Cara yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kajian yang berasaskan analisis sumber dan dokumen.

Dokumen kajian adalah terdiri daripada fail-fail pejabat kolonial, rekod-rekod, catatan peristiwa, manuskrip, data-data statistik, tokoh-tokoh, petikan akhbar, majalah,

²⁴ Muhd Yusof Ibrahim. (2000). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm.145-148.





surat-surat rasmi. Surat persendirian, memorandum, undang-undang, akta, enakmen, perjanjian, penyata, dan institusi yang mempunyai kaitan dengan Pelabuhan Klang dan sumbangannya terhadap sosioekonomi Selangor. Kesemua sampel yang digunakan adalah diperoleh daripada sumber primer dan sumber kedua.

Analisa dokumen dalam kajian ini adalah pengkaji sendiri yang membuat pengumpulan data-data primer berasaskan sumber dan dokumen primer zaman kolonial British yang terdapat di Arkib Negara Malaysia seperti Fail-Fail dan rekod-rekod Kolonial, Laporan Tahunan, Laporan Statistik Pelabuhan Klang, Minit Mesyuarat, Memo dan surat surat rasmi, surat-surat persendirian, *memorandum of Understanding* (MoU), Surat Perjanjian. Pengkaji juga menggunakan sumber daripada Kerajaan Negeri Selangor seperti Laporan Tahunan, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri, Fail Menteri Besar, surat-surat pekeliling, dan segala rekod berkaitan dengan kajian pengkaji.

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji mengutamakan penggunaan sumber primer dan sekunder yang amat penting bagi mendapatkan data-data²⁵ atau sumber-sumber yang baik bagi mrngukuhkan penyelidikan pengkaji. Bagi mendapatkan maklumat tersebut penyelidik merujuk dan meneliti sumber-sumber primer seperti dokumen, surat rasmi, fail-fail jabatan, minit mesyuarat, pekeliling. Antara tempat yang menjadi fokus utama untuk mendapatkan sumber berkenaan adalah di Arkib Negara Malaysia dan perpustakaan-perpustakaan di institusi pengajian tinggi di Malaysia seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan

²⁵ Sivachandralingam Sundaraja.(2001). *Pemikiran dan Penulisan Ilmiah*, Utusan Publication & Distribution Sendirian Berhad, Kuala Lumpur. hlm 22. (Data atau sumber boleh dibahagikan kepada sumber pertama dan Kedua. Sumber pertama merujuk kepada data asli yang dihasilkan oleh penyelidik sendiri manakala sumber kedua berupa bahan-bahan bercetak yang dihasilkan oleh individu atau institusi.)





Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan yang berkaitan. Pengkaji juga akan mendapatkan bahan-bahan yang tersimpan di dalam simpanan pihak-pihak tertentu seperti orang persendirian, persatuan atau pertubuhan yang berkaitan di samping menggunakan sumber lisan. Dokumen-dokumen ini dapat membantu untuk memperlengkapkan kajian ini.

Prosedur Kajian dalam kajian ini mengguna pakai pendekatan tematik dalam menulis struktur dan penyusunan setiap pembahagian bab dan sub-sub topik. Manakala tinjauan kajian secara kualitatif terhadap bahan-bahan perpustakaan dijalankan oleh pengkaji untuk mengenal pasti dan memahami item-item penting terhadap perkembangan dan kerangka peristiwa bersejarah yang menjadi fokus kajian iaitu dari tahun 1972 sehingga tahun 2010. Kajian secara komparatif ke atas bahan-bahan penulisan ilmiah dan segala dokumentasi adalah dinilai dan dikaji. Segala informasi, maklumat atau dapatan daripada sumber-sumber berkaitan dibuat analisis, dinilai, diteliti, dibuat perbandingan atau kesimpulan, ditapis untuk mengelakkan bias. Kesemua pengumpulan data dan sumber-sumber berkenaan diteliti secara saintifik dan sistematik bagi menghasilkan sebuah laporan penulisan penyelidikan yang tepat dan bermakna bagi mengelakkan sebarang bias atau pandangan berat sebelah. Sehubungan itu, pengkaji menggunakan pakai tafsiran yang dikenali sebagai tafsiran Hermeneutik. Hermeneutik adalah konsep secara meluas, iaitu seni dan tafsiran terhadap teks. Istilah hermeneutik secara tradisional adalah kajian tafsiran teks bertulis, terutamanya teks dalam bidang sastera, sejarah, agama dan undang-undang. Stefan Sciaraffa menjelaskan:





“Hermeneutics concepts comprise two kinds of contents. Like all concepts, they have semantic content that distinguishes the extension of the concept. However, they also have deontic content. The deontic content provides the intrinsic guidance described above. For example, the deontic content of the concept “citizen” includes the requirements that persons falling under the concept act and be treated in certain ways.”²⁶

Kesemua hasil pengumpulan maklumat dan dapatan kajian ini akan dibuat laporan dalam bentuk penulisan sebagai sebuah laporan yang lengkap. Pengkaji menyediakan satu laporan berbentuk penulisan. Dalam penghasilan laporan ini, penulisan berbentuk diskriptif naratif adalah sesuai digunakan. Pengkaji menyusun penulisan laporan ini dalam bentuk tematik iaitu pengkaji membahagikan laporan penulisan ini mengikut susunan secara tematik. Tema-tema dibina mengikut kesesuaian permasalahan kajian yang merupakan isu utama dalam kajian ini. Sesuai dengan konteks permasalahan kajian, objektif-objektif yang telah disusun menjadi tema-tema utama dalam penulisan laporan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga menyusun sub-sub tema atau sub topik bagi menjadikan penulisan laporan ini lebih tersusun dan bersistematik bagi menghasilkan satu laporan penyelidikan yang sangat bermakna.

Analisis dapatan dalam kajian “*Impak Pelabuhan Klang Terhadap Sosioekonomi Di Selangor*” dilakukan oleh pengkaji dengan membuat penyaringan bahan-bahan primer dan sekunder untuk dianalisis dan dibuat tafsiran mengikut acuan dan disiplin sejarah. Dapatan maklumat hasil daripada tinjauan kajian di perpustakaan

²⁶ Stefan Sciaraffa. (2011). *Hermeneutic Concepts and Immodest Conceptual Analysis of the Law*, McMaster University.





awam universiti-universiti di Malaysia adalah dibuat analisis dan pentafsiran secara objektif dan subjektif iaitu memahami dan mengenal pasti objektif secara saintifik untuk memahami konsep kejadian sejarah berkenaan (*historie-realite*) dan unsur-unsur sejarah yang bersifat subjektif bagi memahami konsep sejarah berkenaan ditulis atau dikisahkan (*historie-recite*)²⁷ Menurut Matthew,²⁸ terdapat tiga pendekatan dalam menganalisis data kualitatif yang telah dikumpul dan diperoleh. Salah satu daripadanya ialah membuat interpretasi dengan cara pemahaman yang amat mendalam secara empati dan bersama subjek yang ingin dikaji. Dalam interaksi sosial, interpretasi adalah melalui pemahaman interaksi dan aktiviti kumpulan. Pendekatan kedua pula ialah melalui antropologi sosial iaitu kajian yang memerlukan pengkaji tinggal bersama subjek atau masyarakat. Manakala pendekatan yang ketiga pula adalah kajian kolaboratif sosial iaitu kajian yang mengkehendaki tindakan secara kolektif dalam set



1.8 Tinjauan Literature

Hasil kajian dan penulisan oleh John Duraisamy & G. Durairaj, *Port Klang's Journey Through Time*,²⁹ adalah berkisar tentang kajian yang membincangkan tentang sejarah dan kemunculan Pelabuhan Klang dari zaman tradisional sehingga Pelabuhan Klang menjadi sebuah pelabuhan yang maju sehingga dekad pertama awal abad 21. Dalam kajiannya Duraisamy dan Durairaj telah membahaskan secara menyeluruh

²⁷ Abdul Rahman Haji Abdullah. (1994). *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur & Pulau Pinang, Penerbit Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Dengan Pusat Pengajian Luar Kampus Malaysia. (Dalam Bab 4 buku ini ada membahaskan tentang aspek penafsiran sejarah)

²⁸ Matthew B. Miles & A Michael Huberman. (1994). *Qualitative Data Analysis*, London, Sage Publications, hlm. 8-9.

²⁹ John Duraisamy & G Durairaj. (2013). *Port Klang's Journey Through Time*, Port Klang Authority Malaysia, Selangor.





tentang Pelabuhan Klang yang dilihat dari sudut yang hanya berkaitan dengan Pelabuhan Klang sahaja.

Dalam kajiannya, Duraisamy & Durairaj telah menulis perbincangan yang agak menyeluruh berkaitan dengan Pelabuhan Klang. Antara fokus yang diberi perhatian dalam kajian mereka ialah berkaitan dengan sejarah awal Pelabuhan Klang yang menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dan pembukaan Pelabuhan Klang dari Kuala Klang menjadi port Swettenham pada 23 september 1901. Kajian juga telah menyentuh tentang kesan-kesan yang berlaku ke atas Pelabuhan Klang kesan dari zaman kemelesetan ekonomi sehinggalah perang dunia kedua. Perbincangan juga berkisar tentang perkembangan yang berlaku di Pelabuhan Klang termasuk penubuhan Akta Pelabuhan, penswastan pelabuhan dan perkembangan Pelabuhan Klang sehingga awal



Kajian ini juga lebih bersifat melaporkan tentang peristiwa dan perkara yang berlaku di sekitar apa yang berlaku di Pelabuhan Klang. Kajian dapat memberi gambaran yang jelas tentang perkara dan peristiwa yang berlaku di Pelabuhan Klang namun analisis dan kepentingan Pelabuhan Klang terhadap perkembangan sosioekonomi sebagai mana kajian pengkaji tidak dijelaskan atau dibuat analisis. Namun kajian oleh Duraisamy dan Durairaj juga telah membuka ruang kepada pengkaji sebagai asas untuk memahami secara keseluruhan tentang sejarah dan kemunculan Pelabuhan Klang yang berjaya sehingga hari ini sebagai sebuah pelabuhan yang penting di Malaysia. Kajian yang dihasilkan oleh Duraisamy dan Durairaj agak lengkap dalam penulisannya kerana menggunakan sumber-sumber rujukan yang bersifat primer yang menjadikan penulisan ini mempunyai sokongan fakta dan penjelasan yang jelas dan





tepat. Analisis dan laporan yang dibuat oleh Duraisamy dan Durairaj banyak mengemukakan laporan dalam bentuk deskriptif dan penulisan secara tematik bagi menggambarkan sejarah dan perkembangan yang berlaku di Pelabuhan Klang dengan menyertakan jadual dan ilustrasi grafik yang sesuai telah digunakan dalam membantu kajian pengkaji.

Kajian oleh Nordin Hussin, *Trade And Society In The Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*³⁰ merupakan kajian yang memberi fokus tentang perdagangan dan masyarakat di Selat Melaka dengan memberi tumpuan khusus kajian ke atas Pelabuhan Melaka dan Pelabuhan Pulau Pinang yang masing-masing di bawah pengaruh Belanda dan British. Dalam kajiannya, Nordin Hussin membuat pembahagian kajian ke atas Melaka dan Pulau Pinang yang mengkhususkan perbandingan dan tema ke atas Melaka mencakupi aspek geografi dan perdagangan di Melaka, pentadbiran bandar British di Pulau Pinang, Masyarakat Melaka sekitar tahun 1780 sehingga 1830, dan pertumbuhan penduduk di Melaka. Manakala di Pulau Pinang, fokus kajian adalah mencakupi aspek geografi dan perdagangan di Pulau Pinang sekitar tahun 1786 sehingga 1830, Pentadbiran bandar Belanda di Melaka, imigran di bandar Pelabuhan Pulau Pinang, dan pertumbuhan penduduk di Pulau Pinang antara tahun 1780 sehingga tahun 1830. Dalam penulisannya, Nordin telah membuat kajian perbandingan antara Pelabuhan Melaka dan Pelabuhan Pulau Pinang yang dilihat dari keseluruhan sudut iaitu aspek polisi, kedudukan geografi, sifat dan hala tuju perdagangan, aspek morfologi, dan masyarakat yang memperlihatkan bahawa aspek-aspek berkenaan

³⁰ Nordin Hussin (2009). *Trade and Society In The Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, Nias Press, Singapore.





dipengaruhi oleh polisi dan perdagangan yang masing-masing di Melaka dan Pulau Pinang.

Kajian Nordin Hussin adalah kupasan dan perbincangan yang melibatkan Pelabuhan Melaka dan Pulau Pinang yang telah dihasilkan melalui satu penulisan naratif deskriptif tentang keadaan di kedua-dua negeri Melaka dan Pulau Pinang. Nordin Hussin membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Melaka dan Pulau Pinang. Isu-isu bagi kedua-dua Pelabuhan Melaka dan Pulau Pinang diberi fokus secara mendalam terutama tentang aspek pentadbiran, perdagangan, masyarakat, bandar pelabuhan kolonial, dan transisi masa yang berlaku antara tahun 1780 hingga tahun 1830. Kupasan dan laporan penulisannya sangat jelas dan lengkap tentang sesuatu yang ingin digambarkan seperti gambaran tentang perdagangan yang dijalankan di Pelabuhan Melaka dan Pelabuhan Pulau Pinang telah disertakan dengan data dan jadual yang menunjukkan butiran dan maklumat tentang perdagangan yang dijalankan di kedua-dua pelabuhan tersebut. Namun kajian ini boleh disifatkan sebagai satu kajian yang *divergent* dengan kajian pengkaji kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah memberi fokus kepada satu aspek sahaja iaitu membuat kajian tentang impak Pelabuhan Klang terhadap sosioekonomi di Selangor bagi satu tempoh yang dipilih tidak terlalu panjang iaitu antara tahun 1972 sehingga tahun 2004. Manakala tempoh masa kajian oleh Nordin Hussin adalah dalam tempoh masa yang amat panjang mencakupi abad kelapanbelas dan abad kesembilanbelas. Kajian yang dijalankan juga adalah bagi dua buah negeri yang meliputi tempoh tradisional, termasuk *East India Company* dan *The United Dutch East India Company* merupakan dua kuasa Eropah yang bersaing merebut kedudukan dan pengaruh mereka di selat Melaka. Skop kajian oleh Nordin Hussin adalah amat luas dan meliputi isu-isu yang menyeluruh berbanding dengan kajian





pengkaji memberi fokus kepada Pelabuhan Klang yang memberi impak kepada perkembangan sosioekonomi negeri Selangor yang bukan lagi di bawah belenggu penjajahan British sebagai mana tempohmasa sebelumnya.

Kajian oleh Sunarti Linda³¹ yang berjudul “*Pembangunan dan Perkembangan Pelabuhan Port Swettenham di Malaysia 1900-1963*” memberi fokus terhadap sejarah awal penubuhan Pelabuhan Klang dari zaman pentadbiran kolonial British sehingga tahun 1963 yang merupakan tahun penubuhan *Port Swettenham Authority* atau Lembaga Pelabuhan Swettenham. Kajian ini memperjelas tentang perkembangan dan pembangunan yang berlaku di pelabuhan yang terdapat di Semenanjung Malaysia terutamanya pelabuhan Swettenham yang bermula pada tahun 1900 sehingga 1963. Sunarti Linda juga menjelaskan bahawa pada peringkat awal penubuhan Pelabuhan Klang adalah di bawah tanggungjawab pengurusan dan pentadbiran pihak Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Federated Malay States Railways*). Dalam kajiannya juga, Sunarti Linda menjelaskan tentang usaha-usaha pihak kolonial British melaksanakan usaha untuk menyediakan kemudahan asas dan prasarana bagi Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang dikatakan merupakan pelabuhan yang amat penting pada era kolonial sebaris dengan pelabuhan Telok Anson dan Pelabuhan Port Weld dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Selain itu, Sunarti Linda menjelaskan juga bahawa *Port Swettenham* adalah sebaris dengan pelabuhan Singapura dan Pelabuhan Pulau Pinang. Namun pelabuhan

³¹ Sunarti Linda. (2001). *Pembangunan dan Perkembangan Pelabuhan Port Swettenham di Malaysia, 1900-1963*. Program Pascasarjana Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia. Tesis yang belum diterbitkan





ini adalah di bawah penyelenggaraan Jabatan Kereta api Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang menyebabkan kurang perhatian dapat diberikan terhadap *Port Swettenham* kerana jabatan kereta api lebih tertumpu menjaga perkembangan dan laluan kereta api Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kajian yang dijalankan oleh Sunarti Linda secara keseluruhannya adalah amat berbeza dengan kajian pengkaji kerana kajian Sunarti adalah merujuk tempoh kajian pada zaman kolonial British dengan member fokus kepada perkembangan dan pembangunan Pelabuhan Swettenham sedangkan kajian pengkaji adalah memberi tumpuan terhadap impak Pelabuhan Klang selepas merdeka yang memperjelaskan kepentingan dan pembukaan Pelabuhan Klang terhadap perkembangan ekonomi di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kajian Linda Sunarti telah member gambaran jelas tentang pihak-pihak yang terlibat dalam memainkan peranan penting terhadap perkembangan pelabuhan Swtettenham pada zaman kolonial



Kajian oleh Sivachandralingam Sundara Raja, *Perdagangan Dan Pelabuhan Bebas: Sejarah Dan Perkembangannya*³² merupakan kajian di peringkat sarjana yang memberi fokus terhadap kemunculan pelabuhan-pelabuhan di Negeri-Negeri Selat antara tahun 1786 sehingga 1826 yang dipengaruhi oleh perkembangan pelabuhan bebas yang dijalankan di England. Kajian ini memperjelaskan tentang ciri-ciri ekonomi merkantilisme dalam dasar perdagangan luar England dan kelemahan-kelemahannya sehingga digantikan dengan dasar perdagangan bebas pada awal abad kesembilanbelas. Aspek perkembangan revolusi industri yang berlaku dikatakan sebagai faktor yang mendorong England meluaskan pasaran pengeluaran industrinya ke Timur terutamanya

³² Sivachandralingam Sundara Raja. (1997). *Perdagangan dan Pelabuhan Bebas: Sejarah dan Perkembangannya*, Fajar Bakti Sendirian Berhad, Shah Alam.





di pelabuhan yang terdapat di Negeri-Negeri Selat. Kemunculan pelabuhan di Negeri-Negeri Selat adalah dipengaruhi perkembangan yang berlaku atas faktor dalaman di negeri-negeri Melayu dan juga faktor luaran yang berlaku seperti adanya ancaman kuasa asing, kemunculan Filipina sebagai pusat pelabuhan perdagangan liberal pada tahun 1875, dan pengaruh kepulauan Hindia Barat sebagai pelabuhan bebas.

Kajian Sivachandralingam Sundara Raja keseluruhannya memberi fokus kepada dua kawasan pelabuhan yang penting iaitu di England dan di Negeri-Negeri Selat. Aspek yang dianalisis dan diperbahaskan adalah berkaitan dengan kedua-dua kawasan pelabuhan ini berperanan sebagai pelabuhan bebas yang saling berhubungan dan mempengaruhi kepada dorongan dan perkembangan ekonomi bagi yang berlaku di England dan di Negeri-Negeri Selat. Dalam perbincangan kajian ini, Sivachandralingam Sundara Raja menjelaskan tentang latar belakang perkembangan perdagangan pelabuhan di England bagi tempoh yang panjang dari tahun 1500 sehingga tahun 1800. Beberapa perkara yang disentuh dalam bahagian ini adalah tentang kemunculan negara bangsa, perdagangan pada zaman pertengahan, merkantilisme, ciri-ciri perdagangan luar England, kelebihan dan kelemahan merkantilisme serta era perdagangan bebas di England.

Kajian Sivachandralingam Sundara Raja juga menyentuh tentang revolusi di England dan perluasan kegiatan ekonomi di England yang membangkitkan isu dan persoalan tentang sebab musabab yang mendorong England membuka pasaran dagangannya ke Negeri-Negeri Selat yang pada era berkenaan yang merupakan pelabuhan yang penting di Timur. Ia juga menjelaskan bagaimana England sebagai sebuah pelabuhan bebas telah menjadi tempat bermulanya perkembangan revolusi





industri yang memberi fokus perkembangannya dalam sektor pertanian, perindustrian, pengangkutan serta mempengaruhi perdagangan luar England. Dibahaskan juga dalam kajian ini tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perdagangan England di Timur akibat zaman meleset disebabkan kesan peperangan Peranchis dengan Amerika, pertambahan penduduk, kemunculan golongan radikal, peranan ahli-ahli ekonomi, peranan golongan utilitarian dan agama, dan tekanan pedagang Manchester.

Hal inilah yang menjadi pendorong kepada England untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan Negeri-Negeri Selat. Kajian Sivachandralingam Sundara Raja ini juga memperlihatkan faktor-faktor dan peristiwa yang berlaku di kepulauan Melayu pada akhir abad 18 membawa kepada kemunculan pelabuhan bebas di Negeri-Negeri Selat. Berbanding dengan kajian pengkaji yang melihat hanya sebuah pelabuhan sahaja dalam kajiannya iaitu Pelabuhan Klang sebagai memberi impak yang amat penting dalam perkembangan sosioekonomi di negeri Selangor. Kajian Sivachandralingam Sundara Raja memberi fokus kepada tiga buah pelabuhan di Negeri-Negeri Selat iaitu Pelabuhan Pulau Pinang, pelabuhan Singapura, dan Pelabuhan Melaka. Beliau juga menjadikan Pelabuhan Bebas di England sebagai subjek utama dalam kajiannya yang mempengaruhi perkembangan perdagangan dan pelabuhan bebas di Negeri-Negeri Selat.

Dalam kajian ini juga dibahaskan perihal perkembangan ekonomi England pada abad 19 merupakan permulaan perdagangan bebas yang diakibatkan oleh faktor dalaman dan luaran yang berlaku di England. Faktor dalaman adalah dikaitkan dengan perkembangan yang berlaku di luar England seperti Dasar Kebenuaan, Perang England-Amerika, dan zaman ekonomi meleset yang disebabkan oleh peperangan yang berlaku





yang akhirnya menjadikan England terpaksa menggantikan dasar perdagangan lama (juga dikenali sebagai merkantilisme) dengan dasar peperangan bebas. Manakala masalah dalam negeri yang dihadapi oleh England adalah disebabkan pertambahan bilangan penduduk yang diakibatkan oleh revolusi perindustrian, desakan pertubuhan radikal dan institusi agama supaya golongan pemerintah menjaga kebajikan rakyat dan masyarakat. Selain itu, terdapat juga kemunculan golongan sarjana dan tokoh-tokoh penting seperti Adam Smith, David Ricardo, dan Thomas Maltus yang dikatakan mempengaruhi dasar luar England.

Selain itu juga, tarikan perdagangan teh dengan negara China juga mendorong kepada perkembangan perdagangan dan ekonomi England yang mendorong kepada perkembangan perdagangan serta pembukaan pengkalan di Timur. Bukan sahaja China, tetapi India juga telah mendapat perhatian daripada golongan pedagang dari England. Justeru itu, kajian ini adalah akan memperlihatkan perkembangan Pelabuhan Klang dalam mempengaruhi perkembangan sosioekonomi di Selangor yang memperincikan aspek-aspek yang terkesan dengan kemunculan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan yang terpenting dalam memacu perkembangan sosioekonomi di Selangor.

Penulisan oleh J.M. Gullick, *A History of Selangor (1766-1936)*³³ pula membincangkan tentang sejarah negeri Selangor bagi tempoh 180 tahun dengan menceritakan tentang pengasasan dinasti pemerintahan yang bermula di Selangor. Dalam pengkajiannya, Gullick telah membahagi keseluruhan buku kajiannya kepada sebelas tema yang membahaskan kepalbagaian isu yang berkaitan dengan negeri

³³ Gullick, J.M. (1998). *A History of Selangor (1766-1936)*, Malaysian Branch of the Royal Society, Falcon Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur, MBRAS Monograph No 28.





Selangor. Antaranya bermula dengan pengasasan dinasti di Selangor sebagai tema bab pertama diikuti tema bab kedua yang membincangkan tentang Selangor di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim, tema bab ketiga berkaitan dengan persaingan kuasa dan perlombongan bijih timah, tema bab keempat berkaitan dengan perang saudara dan campurtangan kuasa British, tema bab kelima berkaitan dengan keadaan Selangor selepas perang, tema bab keenam berkaitan dengan struktur pemodenan di Selangor, tema bab ketujuh berkaitan dengan perkembangan pertanian di Selangor, tema bab kelapan berkaitan dengan pusat pentadbiran dan kekuasaan negeri, tema bab kesembilan berkaitan dengan masalah pemerintahan di Selangor, tema bab kesepuluh adalah tentang Selangor memasuki era abad keduapuluh, dan bagi tema bab kesebelas adalah berkaitan dengan perbincangan rumusan bagi negeri Selangor di antara tahun 1914 sehingga 1939.



Kepelbagaian tema dan perbincangan dalam kajian Gullick ini tidak membincangkan secara khusus tentang tema berkaitan dengan Pelabuhan Klang. Walaupun Pelabuhan Klang merupakan nadi kepada perkembangan ekonomi di Selangor pada masa itu, tetapi tidak diletakkan sebagai tema topik yang dibahaskan secara terperinci. Walau bagaimanapun, Gullick telah menyentuh tentang kepentingan Pelabuhan Klang sebagai yang merancakkan lagi kegiatan ekonomi di Selangor. Gullick membahaskan dengan menyentuh peranan Pelabuhan Klang terutama dalam pengendalian eksport kargo bagi getah dan hasil bijih timah. Pelabuhan Klang dijelaskan telah menjalankan eksport dagangan getah dan bijih timah dengan ratusan ribu tan di samping menjadikan bandar Klang penting sebagai pusat yang dikaitkan dengan kemajuan yang dicapai hasil daripada perkembangan Pelabuhan Klang.





Kajian oleh Noraini Anor *et.al*, *Road Network System in Port Klang, Malaysia and Impact to Travel Patterns*³⁴ menyentuh berkaitan dengan sistem jaringan jalan raya di Pelabuhan Klang dan kesannya kepada corak perjalanan di Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang dijelaskan sebagai tumpuan dan tempat yang paling sibuk. Kajian terhadap sistem perhubungan di Pelabuhan Klang oleh Noraini Anor menjelaskan bahawa sistem jalinan jalanraya yang baik akan menjana kepada pertumbuhan ekonomi, transformasi fizikal dan meningkatkan sistem perhubungan maritim. Fokus kajian Noraini Anor ke atas Pelabuhan Klang dengan jaringan sistem perhubungan yang menghubungkan Pelabuhan Klang dengan kawasan sekitarnya. Dapatan kajian oleh Noraini *et.al* telah menunjukkan bahawa terdapat aspek yang dikaji olehnya adalah berkaitan dengan jaringan jalan raya, penilaian operasi ke atas jalan raya yang sedia ada di Pelabuhan Klang, Kemalangan jalan raya, keadaan lalu lintas sebelum implementasi tol, keadaan lalu lintas selepas implementasi tol dan perbandingan antara sebelum dan selepas implementasi tol ke Pelabuhan Klang.

Kajian oleh Noraini adalah bersifat komtemporari dengan melihat isu semasa yang mempengaruhi perkembangan dan kemajuan Pelabuhan Klang yang dikaitkan dengan sistem jaringan jalan raya. Tempoh kajian oleh Norani *et.al* tidak terlalu panjang dan pengumpulan data dalam kajiannya lebih bersifat pungutan data di lapangan yang banyak membuat pemerhatian dan perekodan data berkaitan penggunaan dan lalu lintas di jalan raya di Pelabuhan Klang. Berbanding dengan kajian oleh pengkaji melihat tentang perkembangan Pelabuhan Klang secara menyeluruh dalam menjana pendapatan

³⁴ Noraini Anor *et.al*. (2011). *Road Network System in Port Klang, Malaysia and Impact to Travel Pattern*, Asia Pacific International Conference on Enviroment-Bahavior Studies, Salamis Bay Conti Resort Hotel, Farmagusta, Nort Cyprus, 7-9 December.





sosioekonomi di negeri Selangor dan aspek perhubungan jalan raya dilihat sebagai salah satu aspek yang akan dikaji berkaitan dengan perkembangan Pelabuhan Klang.

Manakala kajian Chuleeporn Virunka tentang *From Regional Entrepot to Malayan Port: Penang Trade and Trading Communities 1890-1940*³⁵ memberi fokus kajian pelabuhan di Pulau Pinang dengan membuat analisis tentang Pelabuhan Pulau Pinang yang menjadi pusat pelabuhan serantau di Asia Tenggara kepada *Malayan Port* yang sepenuhnya disertai oleh masyarakat pedagang yang terdiri daripada orang Cina dan Barat. Kajian oleh Chuleeporn ini lebih memberi fokus tentang peranan dan pelaksanaan Pelabuhan Pulau Pinang dari peringkat awal sebagai sebuah pelabuhan yang penting bagi rantau Asia Tenggara. Pelabuhan Pulau Pinang telah digambarkan sebagai sebuah pelabuhan yang menjadi tumpuan kapal-kapal dagang dari negara-negara Eropah dan Asia. Pelabuhan Pulau Pinang menjadi tumpuan dua komuniti iaitu masyarakat pedagang yang pengaruh dan peranannya iaitu pedagang Cina dan pedagang Eropah. Dijelaskan juga dalam kajian ini terdapat perhubungan perniagaan yang rapat antara kedua masyarakat pedagang tersebut.

Kajian Chuleeporn ini adalah suatu kajian yang memakan tempoh kajian yang lama bermula dari tahun 1890 sehingga 1940. Kajian lebih menggarap persoalan dan isu berkaitan dengan fungsi Pelabuhan Pulau Pinang dengan dominasi masyarakat pedagang Cina dan Eropah. Aspek-aspek yang dijelaskan adalah berkaitan dengan import dan eksport yang dikendalikan oleh Pelabuhan Pulau Pinang, pembukaan syarikat perniagaan orang Eropah dan Cina di Pulau Pinang. Bagi memberi gambaran

³⁵ Chuleeporn Virunka (2009). *From Regional Entrepot to Malayan Port: Penang Trade and Trading Communities 1890-1940* dalam Yeoh Seng Guan et.al, *Penang Ands Region the Story of Asian Entrepot*, Nus Press, Singapore.





yang lengkap Chuleeporn telah mengemukakan keterangannya dengan data dalam jadual yang lengkap bagi kesemua aspek yang dikajianya seperti Pulau Pinang sebagai pasaran utama di Asia Tenggara, data import dan eksport, menyenaraikan pemilik syarikat atau pelabur yang terdiri daripada orang Cina dan Barat dengan agak lengkap. Gambaran ini penting dalam kajian oleh Chuleeporn bagi menguatkan hujah dan penjelasan kajiannya. Namun Kajian belaiu hanya terhad kepada pengendalian import dan eksport perdagangan di Pulau Pinang sahaja berbanding dengan kajian oleh pengkaji yang memberi penekanan terhadap kesan dan kepentingan Pelabuhan Klang terhadap perkembangan ekonomi bagi negeri Selangor.

Kajian oleh Nazery Khalid tentang “*Ports in South East Asia: Issues and Challengers*”³⁶ adalah merujuk tentang pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara tentang isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh perkembangan pelabuhan di Asia Tenggara termasuk Malaysia. Kajian oleh Nazery Khalid tentang peranan industri maritim Malaysia dalam memacu perkembangan perdagangan dan ekonomi negara. Walaupun diketahui umum tentang pentingnya aktiviti maritim kepada Malaysia, pengkaji berpendapat bahawa wujud kekurangan analisa yang boleh diakses berkaitan nilai industri dan sumbangannya terhadap negara. Kajian Nazery Khalid ini ada menyatakan Pelabuhan Klang sebagai sebuah pelabuhan yang merupakan salah satu daripada dua puluh dalam senarai pengendalian kontena terbaik dunia sepanjang tahun tahun 2002-2004.

³⁶ Nazery Khalid (2008) Ports in South East Asia: Issues and Challengers, *Jati*, Vol. 13. Journal of South East Asian Studies.





Kajian oleh Nazery Khalid ini cuba menjawab dan mengisi kekosongan ini dengan memberi analisa kuantitatif dan kualitatif berkenaan industri maritim Malaysia dan sumbangannya terhadap ekonomi negara. Pengkaji mengguna pakai data kredibal yang tersedia dari sumber-sumber seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Statistik Negara dan sumber-sumber industri maritim. Penulis memberi definisi industri maritim dalam konteks maritim dan menekankan kepentingan mengenali skop industri sebelum menganalisis nilai ekonomi sektor ini.

Malaysia yang dikelilingi laut adalah sangat bergantung terhadap aktiviti laut untuk menjana ekonomi negara. 95% perdagangan antarabangsa Malaysia dikendalikan melalui pengangkutan laut. Berdasarkan kepentingannya terhadap sosioekonomi negara, penulis berharap agar industri maritim mendapat sokongan berterusan daripada kerajaan. Penulis berharap kajian ini akan membantu perkembangan insdustri maritim Malaysia ke arah yang lebih hebat dan memberi impak positif terhadap ekonomi Negara. Dengan tersedianya data maritim, penulis berharap Kerajaan boeh diyakinkan untuk meletakakn industri maritim sebagai salah satu “*National Key Economic Area*”.

Kajian oleh G.S Dwarakish, Akhil Muhamad Salim” tentang *Review on The Role of Ports in the Development of a Nation*³⁷ menyentuh peri pentingnya peranan pelabuhan dalam pembangunan kawasan persisir pantai dan kawasn pendalam sekitar dunia yang menyumbang kepada ekonomi negara. Pengkaji turut menyentuh peranan pelabuhan sebagai penghubung kepada pengangkutan darat dalam menghidupkan ekonomi sesebuah kawasan. Pengkaji secara ringkas menghurai sejarah maritim India

³⁷ G.S. Dwarakish, Akhil Muhamad Salim (2015) *Review on the Role of Ports in the Development of a Nation*, Department of Applied Mechanics and Hydraulics, National Institute of Technology Karnataka, Suratkhal P.O Srinivasnagar, Mangalore 575025 India.





yang wujud sekitar Milinium ke 3 Sebelum Masihi, iaitu penduduk Lembah Indus memulakan perdagangan dengan Mesopotamia. Kewujudan pelabuhan-pelabuhan dunia diberi penekanan dalam melahirkan integrasi sistem ekonomi global. Komponen-komponen seperti industri sokongan dan infrastruktur adalah amat penting menarik pelaburan ke sesuatu pelabuhan. G.S. Dwarkish, Akhil Muhamad Salim turut menyentuh perihal impak ekonomi pelabuhan ke atas sesebuah Negara. Matrix untuk mengukur impak ekonomi di sesuatu kawasan lazimnya dilakukan dengan menilai peratusan pekerjaan yang wujud, tangga gaji, hasil pendapatan dan jumlah cukai pendapatan yang dibayar. Salah satu pelabuhan yang dikaji ialah pelabuhan Hamburg, Germany pada tahun 2010 yang menunjukkan sebanyak 133,000 jumlah pekerjaan di Bandar Free dan Hanseatic adalah berkaitan dengan aktiviti pelabuhan. Pada tahun yang sama, nilai perdagangan pelabuhan Hamburg mencecah €12.6 billion, iaitu 14% keseluruhan ekonomi Hamburg. Hasil penyelidikan terhadap peranan pelabuhan sekitar dunia ini dengan jelas menunjukkan kepentingan pelabuhan kepada ekonomi sesebuah negara.

Terdapat kajian lebih awal dan berkaitan dengan pembukaan Pelabuhan Klang di Selangor. Kajian dilakukan hasil penulisan JM Gullick, *The Fall And Rise Of Klang*, 1867-1900³⁸. Walaupun kajian oleh Gullick berkaitan dengan kemunculan dan kejatuhan Pelabuhan Klang di antara 1867 hingga 1900, tetapi kajian beliau membuat analisis tentang berlakunya peranan Pelabuhan Klang daripada sebuah pelabuhan kecil telah mengalami perubahan setelah tahun 1890-an apabila Bandar Pelabuhan Klang telah menjadi pusat daerah perkembangan pertanian di samping berlakunya penambahbaikan dalam komunikasi dan sistem perparitan yang sebelum ini merupakan

³⁸J.M Gullick, *The Fall And Rise of Klang*, 1867-1900, hlm. 1-126.





kawasan berpayu yang tidak digunakan. Gullick dalam penulisannya lebih menceritakan tentang sejarah awal kemunculan Klang dengan kemasukan pengaruh Bugis dan kemasukan orang Cina yang melibatkan kegiatan ekonomi di Klang.

Fokus dan kajian yang dihasilkan oleh Gullick adalah lebih memberi tumpuan terhadap bandar Klang dan bukan memberikan penjelasan terhadap kemunculan pelabuhan yang terdapat di situ. Namun Gullick telah menjelaskan dalam penulisannya yang menceritakan Pelabuhan Klang antara 1890 sehingga 1900 yang menjelaskan hubungan Pelabuhan Klang dengan pelabuhan di Melaka dan Singapura berkaitan dengan urusan pengangkutan bijih timah. Jelasnya, Gullick lebih banyak menceritakan tentang kemunculan Pelabuhan Klang dari aspek perkembangan Bandar namun amat sedikit menjelaskan kemunculan Pelabuhan Klang yang telah wujud pada masa tersebut.



Manakala kajian yang dilakukan oleh penyelidik ialah memberi fokus terhadap perkembangan Pelabuhan Klang terhadap ekonomi di negeri Selangor. Penulisan Gullick adalah pada tempoh penghujung abad ke-19 berbanding dengan kajian pengkaji membuat kajian ini pada tempoh Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan.

Kajian oleh Hans-Dieter Evers dan Sezali Darit *Malaysian Maritime Potential and the Straits of Malacca*,³⁹ pula melihat kepentingan Potensi Maritim Malaysia dan Selat Melaka. Kajian ini memberi fokus terhadap kepentingan pelabuhan-pelabuhan yang terdapat di pantai kepulauan Melayu semenjak zaman tradisional yang disentuh secara sepintas lalu. Kajian ini lebih menghubungkan maritim kepulauan Melayu yang lautan india dan lautan China Selatan. Dalam kajian ini, Hans-Dieter Evers dan Sezali

³⁹ Hans-Dieter Evers and Sezali Darit. (2011). *Malaysian Maritime Potential and the Straits of Malacca* Annuals of Marine Sociology, VOL. XX. Publisher: Polish Academy of Sciences - The Gdansk Branch Commission of Marine Sociology. ISSN: 0860-6552





Darit menegaskan tentang kepentingan strategik Selat Melaka untuk perdagangan dunia dan ASEAN keselamatan tidak boleh terlalu ditekankan. Selat Melaka bukan sahaja kaya dengan sumber marin tetapi adalah salah satu laluan perkapalan tertua dan paling sibuk di dunia. Selat Melaka bertindak sebagai saluran utama bagi pergerakan kargo dan manusia lalu lintas antara rantau Indo-Eropah dan negara lain di Asia dan Australia.

Namun dalam kajian ini perbincangan adalah secara umum tentang peranan dan kepentingan Selat Melaka sahaja tetapi kepentingan dan kemunculan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan yang sibuk di dunia tidak dijelaskan. Walau bagaimanapun, kajian ini dapat memberikan gambaran tentang kepentingan laluan Selat Melaka adalah yang sangat penting dan menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Justeru itu, kajian pengkaji berkenaan Pelabuhan Klang adalah berbeza kerana ianya akan mengaitkan kepentingan dan sumbangan Pelabuhan Klang terhadap kemajuan sosioekonomi di negeri Selangor.

1.9 Definisi Istilah

Pelabuhan

Pelabuhan adalah membawa maksud dan pengertian dengan merujuk kepada sebuah kawasan yang sempit iaitu merujuk suatu perairan yang terlindung sebagai satu tempat untuk berlabuhnya kapal-kapal dalam keadaan yang selamat. Terdapat beberapa istilah lain juga dikenal lingkungan yang termasuk dalam pengertian pelabuhan iaitu dikenali sebagai **Harbour**, adalah perairan yang terlindung, tempat kapal-kapal berlindung dengan aman dan selamat daripada gangguan alam semulajadi iaitu kapal-kapal dapat membuang sauh atau mengikat dengan pelampung. Manakala istilah **Port**, adalah pintu gerbang atau tempat yang mempunyai *harbour* lengkap dengan kakitangan yang





lengkap dalam urusan kawalan cukai. **Dock**, adalah suatu limbungan dengan pintu air tempat iaitu tempat kapal memunggah muatan atau keperluan untuk memeriksa dan membaiki sebarang kapal. Ini jelas menunjukkan bahawa pelabuhan adalah suatu daerah perairan yang tertutup dan juga terlindung daripada ancaman alam seperti angin taufan, ribut, dan gelombang besar. Pelabuhan dalam pengertian yang lebih luas adalah merupakan suatu gerbang tempat transit pengangkutan darat ke laut atau pemunggahan pengangkutan dari laut ke darat, juga merupakan pertembunagn terminal daripada pengangkutan laut ke laut. Di pelabuhan terdapat tempat yang dikenali sebagai terminal yang menyediakan kemudahan tempat berlabuh, penyimpan barang-barang, dan menyediakan peralatan pengangkatan dan pengangkutan.⁴⁰

Menurut Kamus Dewan Bahasa edisi Keempat, pelabuhan membawa maksud suatu tempat berlabuh, persinggahan kapal atau pangkalan kapal.⁴¹ Pelabuhan juga bermaksud persinggahan kapal, pangkalan kapal, dermaga, jeti, perhentian, pelantar dan tempat berlabuh⁴². Pelabuhan juga bermaksud tempat yang terdiri daripada daratan dan perairan di sekitarnya dengan batas-batas tertentu sebagai tempat kegiatan ekonomi yang digunakan sebagai tempat berlabuh, memunggah barangan dan menurunkan dan mengambil penumpang yang dilengkapi dengan fasiliti keselamatan pelayaran dan kegiatan yang berfokuskan kepada pelabuhan serta tempat perpindahan import dan eksport sesuatu barangan.⁴³

⁴⁰ Nyoman Budiarta Raka Mandi. (2015). *Pelabuhan: Perencanaan Dan Perancangan Konstruksi Bangunan Laut Dan Pantai*, Arti Foundation. Indonesia, hlm 4.

⁴¹ Noresah Abd.Ghani, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi Keempat*, 2007, hlm.863.

⁴² Zainal Abidin. (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu*, hlm. 967.

⁴³ *Undang-undang Republik Indonesia*, 1992, No 21, Bab 1 Pasal 1.





Selain itu, pelabuhan juga adalah tempat yang terdiri atas daratan dan perairan dengan batas-batas tertentu sebagai tempat kegiatan pemerintahan dan kegiatan pengusahaan yang dipergunakan sebagai tempat kapal bersandar, berlabuh, naik turun penumpang atau bongkar muat barang, berupa terminal dan tempat berlabuh kapal yang dilengkapi dengan fasiliti keselamatan dan keamanan pelayaran dan kegiatan penunjang pelaburan sebagai tempat perpindahan intra- dan antramoda pengangkutan.⁴⁴

Pelabuhan secara umumnya merupakan sebuah bandar atau bandar dalam pelabuhan iaitu kawasan yang terletak di muara sungai, teluk, tanjung, kualayang berhampiran laluan maritim untuk kapal-kapal memuatkan atau memunggah barang-barang atau untuk persinggahan selain keperluan yang ada bagi sesebuah pelabuhan adalah terutamanya pegawai-pegawai kastam ditempatkan. Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan yang sebelum tahun 1972 dikenali sebagai *Port Swettenham* merupakan pelabuhan utama di Malaysia yang terletak di Selat Melaka iaitu jalan pertengahan antara Pelabuhan Pulau Pinang dengan Singapura. Ia juga adalah merupakan pelabuhan bagi bandar Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara Malaysia dengan jarak 40 kilometer yang disambungkan melalui jalan raya dan kereta api. Kedudukan Pelabuhan Klang di muara Sungai Klang, boleh diakses oleh kapal kapal laut yang melalui Selat Kelang Utara (North Kelang Strait). Pelabuhan Klang terlindung oleh dua pulau bakau panjang (Kelang dan Lumut), manakala kawasan pedalamannya Kuala Lumpur dan Seremban mengandungi hasil kayu getah dan bijih timah.

⁴⁴ *Peraturan Menteri Perhubungan Republik Indonesia, Nombor:51 Tahun 2015 Tentang Penyelenggaraan Laut, Menteri Perhubungan Indonesia.*





Sosioekonomi

Istilah ini merujuk kepada dua perkara yang perlu difahami dengan jelas. Istilah sosioekonomi terdiri daripada dua perkataan yang terpisah iaitu *sosio* yang asalnya adalah *society* iaitu masyarakat dan satu lagi ialah ekonomi (*economy*) yang merujuk kepada sistem dan aktiviti yang mendatangkan sumber pendapatan atau pekerjaan. Dalam takrifan kamus, definisi sosioekonomi memberi takrifan yang mudah dan simpel iaitu membawa maksud bidang kajian yang mengkaji faktor-faktor sosial (*society*) dan ekonomi untuk lebih memahami bagaimana kombinasi kedua-dua pengaruh tersebut terhadap sesuatu. Dalam takrifan industri moden, sosioekonomi adalah merujuk kepada klasifikasi yang digunakan oleh penganalisis sosioekonomi untuk menggambarkan sebuah negara yang mempunyai ekonomi perindustrian yang semakin meningkat dan status perdagangan membangun dalam pasaran global.

Manakala istilah perkembangan sosioekonomi pula membawa maksud yang seseorang itu terlibat atau mengambil bahagian atau menawarkan dengan apa yang ada, memberi sumbangan yang besar atau sumbangan yang kecil, tetapi yang pasti memberi sesuatu sumbangan. Jadi perkembangan sosioekonomi adalah satu transisi atau peralihan ke arah pembentukan keadaan sosial dan ekonomi yang membolehkan seseorang manusia, lelaki atau perempuan, untuk membangunkan potensi dirinya setakat yang mungkin, dalam aspek kemasyarakatan, ekonomi, budaya dan rohani.⁴⁵

⁴⁵ Hogan. W. (1967). *The Meaning and The Need of Socio-Economic development: Why We Should be Interested in Proceeding of Seminar Malaysian Socio-Economic Question*, University of Malaya, Kuala Lumpur, August 9 to August 13 1967, hlm. 23-28.





Membahaskan isu ekonomi adalah melibatkan kebebasan ekonomi, penambahan modal, kadar pembentukan modal dan juga melihat bagaimana perkembangan ekonomi boleh dicapai. Peranan kerajaan juga terlibat sama dan begitu juga peranan pihak swasta dan hubungan kedua-duanya, kerjasama antarabangsa, kerjasama antara negara-negara Asia Tenggara, peluang yang sama untuk masing-masing, keamanan dunia, pendapatan yang sama rata, dalam kalangan negara kasih sayang, integriti, dan sifat peribadi.⁴⁶

Konsep perkembangan sosioekonomi merupakan suatu topik yang menarik dan bukan untuk difahami oleh individu tertentu sahaja, tetapi ia juga bukan sepenuhnya menjadi tanggungjawab sepenuhnya pihak kerajaan tetapi melibatkan pihak kerajaan dan masyarakat. Perkembangan ekonomi dan perkembangan sosial adalah saling mempengaruhi kerana kedua-dua isu ini berkait rapat dalam mencapai kemajuan, tanpa salah satunya maka ianya tidak akan berjaya. Perkembangan ekonomi adalah semata-mata meningkatkan pengeluaran manakala perkembangan sosial adalah pembangunan sikap dan pemikiran⁴⁷.

1.10 Pembahagian Bab

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama adalah berkaitan dengan Pengenalan. Dalam bab pertama (Bab 1), pengkaji membina sub-sub topik berkaitan, yang terdiri daripada latar belakang kajian iaitu memberi penerangan tentang aspek-

⁴⁶ Lim Chong Yah. (1967). *Comment in Proceeding of Seminar Malaysian Socio-Economic Question*, Universiti of Malaya, Kuala Lumpur, August 9 to August 13 1967, hlm. 29.

⁴⁷ Abdul Aziz Bin Mohd Yassin. (1967). *Comment in Proceeding of Seminar Malaysian Socio-Economic Question*, Universiti of Malaya, Kuala Lumpur, August 9 to August 13 1967, hlm. 31.





aspek yang berkaitan dengan tajuk dan gambaran awal tentang penyelidikan ini. Seterusnya sub topik tentang permasalahan kajian yang merupakan isu dan intipati yang terpenting dalam kajian ini. Sub topik berkaitan dengan objektif juga dinyatakan dalam bab pertama ini dengan meletakkan empat objektif yang dibina berdasarkan isu yang terdapat dalam pernyataan masalah. Selain itu, pengkaji juga memasukkan aspek solan kajian sebagai satu sub topik yang penting. Soalan-soalan kajian yang dibina adalah berasaskan objektif yang dipilih oleh pengkaji sendiri dan dalam kajian soalan kajian yang dibina terdiri daripada empat soalan kajian.

Bab Kedua (Bab 2) pula adalah berkaitan dengan sejarah latar belakang sosioekonomi di Selangor. Dalam bahagian ini, pengkaji membina sub-sub topik yang sesuai dan berkaitan dengan tema utama dalam bab ini. Dalam bahagian ini, pengkaji membicarakan tentang latar sejarah negeri Selangor secara ringkas bermula dengan gambaran tentang perkembangan zaman tradisional sehinggalah kedatangan British dan akhirnya Malaya mencapai kemerdekaan. Aspek kedudukan geografi juga disentuh yang menjelaskan tentang Daerah, Mukim, Pulau dan Kampung yang terdapat di Selangor yang berkepentingan dan berkaitan dalam kajian ini. Pengkaji juga menjelaskan tentang komposisi penduduk Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa. Selain itu, pengkaji akan membicarakan tentang sejarah dan kegiatan ekonomi di Selangor terutama yang berkaitan dengan kegiatan Ekonomi, pelombongan, perladangan, perindustrian, dan pelabuhan yang merupakan aspek terpenting dalam kajian ini. Akhirnya dalam bab ini, pengkaji juga membicarakan tentang sejarah kemunculan pelabuhan di Selangor iaitu Port Swettenham, pelabuhan Kuala Selangor, pelabuhan di Sabak Bernam, pelabuhan Tanjung Karang dan pelabuhan Tanjung Sepat.





Dalam bab ketiga (Bab 3) pengkaji meletakkan topik utama yang sesuai dalam kajian ini selaras dengan objektif iaitu perkembangan Pelabuhan Klang terhadap sosioekonomi di Selangor sehingga 2010. Tahun 2010 merupakan tahun penting berkaitan dengan Pelabuhan Klang kerana tahun berkenaan merupakan tahun ke tujuh Zon Bebas Pelabuhan Klang atau juga dikenali sebagai *Free Zone Port Kelang (PKFZ)* beroperasi. Dalam bab ini juga, pengkaji membahaskan aspek penggunaan tanah dan pemilihan tapak pelabuhan yang melibatkan pembukaan Pelabuhan Barat, Pelabuhan Utara, dan Pelabuhan Selatan. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan tentang tadbir urus Pelabuhan Klang, badan dan organisasi yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran Pelabuhan Klang, kakitangan, pekerja tempatan dan pekerja asing yang terlibat dalam urusan berkaitan dengan operasi dan kegiatan Pelabuhan Klang. Pengkaji juga membuat analisis tentang kemudahan prasarana di Pelabuhan Klang serta aspek-aspek lain seperti



Penguatkuasa. Perkara lain yang turut disentuh adalah sistem perhubungan di Pelabuhan Klang iaitu jalinan perhubungan-seperti keretapi, jalanraya, komuter, dan system telekomunikasi. Pengkaji juga akan menganalisa laporan berkaitan dengan isu dan masalah berkaitan dengan operasi Pelabuhan Klang serta pengambilan tanah, dan bayaran pampasan atau gantirugi bagi pihak yang terlibat bagi mereka yang menanggung kerugian dan malapetaka.

Bab empat (Bab 4) merupakan bab yang menganalisis sumbangan dan kepentingan Pelabuhan Klang terhadap sosioekonomi Selangor sehingga 2010. Dalam bab ini, pengkaji menganalisis tentang kepentingan Pelabuhan Klang sebagai pemangkin terhadap sosieekonomi Selangor. Dalam bab ini juga, pengkaji membahagikan sub-sub topik yang penting selaras dengan keperluan bagi menjawab





objektif kajian yang telah disesuaikan dengan permasalahan kajian. Aspek yang turut dianalisis adalah berkaitan dengan Zon perdagangan bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), rangkaian dan urusan niaga kendalian Pelabuhan Klang, kerjasama ekonomi Pelabuhan Klang dengan sektor ekonomi negeri Selangor yang lain atau agensi yang berkaitan, penglibatan dan penyertaan syarikat-syarikat tempatan dan asing dalam aktiviti ekonomi dan perdagangan di Pelabuhan Klang, serta khidmat rundingan dan latihan yang berkaitan dengan kepentingan Pelabuhan Klang.

Manakala bab kelima (Bab 5), pengkaji meletakkan tema utama topik di bab ini adalah tentang isu-isu dan kepentingan Pelabuhan Klang terhadap sosioekonomi Selangor. Dalam bab ini, pengkaji menganalisis terhadap beberapa sub topik yang telah dipilih berdasarkan kesesuaian sebagai mana mengikut isu dan objektif kajian. Antara aspek yang iuatamakan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan peluang pekerjaan dalam kalangan warga tempatan dan warga asing, aspek tarikan dan kemasukan para pelabur tempatan dan pelabur asing, pengembangan dan pembukaaan kawasan industri, pembukaan kawasan petempatan, pembukaan kawasan baru seperti pembukaan dan pembangunan semula Pulau Lumut yang telah diberi nama baru iaitu Pulau Indah. Selain itu, pembukaan koridor perdagangan dan perindustrian juga dianalisis. Aspek penting yang turut diberikan perhatian untuk dianalisis turut melihat sama ada ianya berkait rapat dengan guna tenaga tempatan, asing di samping tenaga pakar luar. Isu-isu lain juga dikaji sama perkembangan struktur fizikal dan pembangunan Pelabuhan Klang memberi kesan terhadap hakisan pantai, arus laju dan tidak ketinggalan juga menganalisis aspek keselamatan Pelabuhan Klang dari segi ancaman seperti perlanunan, rampasan, dan aktiviti penyeludupan.





Manakala bab terakhir adalah bab keenam (Bab 6) pula adalah bab kesimpulan yang merupakan bab yang membahaskan penemuan dan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

1.11 Rumusan

Kajian ini menumpukan analisis terhadap kepentingan dan pembukaan Pelabuhan Klang dalam memberi impak sosioekonomi terhadap negeri Selangor. Aspek-aspek penting yang turut dianalisis adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan Pelabuhan Klang yang berkaitan termasuk peranan dan kepentingan Pelabuhan Klang, sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan ekonomi, kewujudan dan perkembangan industri, pendapatan, dan peluang pekerjaan. Selain itu, kajian juga mengenal pasti dan mengambil kira hal-hal berkaitan dengan isu dan masalah yang terlibat sepanjang perkembangan dan operasi Pelabuhan Klang dalam tempoh kajian penyelidikan.

